

**TAJUK: MENGENAL ALAT MUZIK
TRADISIONAL REBAB KELANTAN DALAM
KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

MOHAMAD HAFIQ BIN NIZAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

MALAYSIA

KELANTAN

2022

**KAJIAN: MENGENAL ALAT MUZIK
TRADISIONAL REBAB KELANTAN DALAM
KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

MOHAMAD HAFIQ BIN NIZAN

**Projek penyelidikan ini dikemukakan untuk
memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan di Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan**

2023

KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN	i
DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI GAMBAR	vii
SENARAI PETA	viii
SENARAI CARTA ALIR	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB I	Pengenalan
1.1	Pengenalan
1.2	Permasalahan Kajian
1.3	Objektif Kajian
1.4	Persoalan Kajian
1.5	Skop Kajian
1.6	Kepentingan Kajian
BAB II	SOROTAN KAJIAN LEPAS
2.1	Pengenalan
2.2	Sorotan Kajian Lepas
2.1	Sejarah dan Perkembangan
2.2.	Kajian Lepas
2..3	Kerangka Teori

- 2.3.1 Teori estetika
- 2.5 Latar Belakang Rebab
- 2.6 Motif Yang Digunakan
- 2.7 Pantang Larang Rebab
- 2.8 Hubungan Dengan Alam Ghaib
- 2.9 Fungsi Rebab
- 2.10 Kesimpulan

BAB III METODOLOGI KAJIAN

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Reka Bentuk Kajian
- 3.3 Kaedah Kajian
- 3.4 Persampelan Data
- 3.5 Data Primer
 - 3.5.1 Temu Bual
 - 3.5.2 Pemerhatian
 - 3.5.3 Kajian Kepustakaan

- 3.6 Data Sekunder
- 3.7 Kesimpulan

BAB IV ANALISIS DAN PERBINCANGAN

- 4.1 Pengenalan
- 4.2 Data Kualitatif

4.3 Keputusan Kajian

4.4 Pemerhatian

4.5 Temubual

4.6 Kesimpulan

BAB V RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan

5.2 Cadangan

5.3 Keusahawanan

5.4 Produk

5.5 Sasaran Produk

5.6 Kesimpulan

RUJUKAN

LAMPIRAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan keizinanNya dapat juga disiapkan tugas yang harus dilaksanakan ini walaupun terpaksa menghadapi rintangan dan kesukaran dengan penuh kesabaran. Ribuan terima kasih kepada pihak Universiti kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk menjalankan kajian ini

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan buat Encik Mohd Aswawi bin Isa selaku penyelia Projek Penyelidikan ini di atas segala teguran, tunjuk ajar, pandangan dan dorongan yang diberikan. Ucapan terima kasih ini juga tidak lupa ditujukan terutamanya kepada keluarga tersayang yang banyak membantu memberikansokongan serta semangat sama ada berbentuk fizikal mahupun material Jutaan terima kasih kepada semua pihak responden dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan kajian ini.

Selain itu, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada keluarga terutamanya ibu bapa dan adik-beradik yang sangat membantu dalam memberi nasihat dan sokongan moral yang tinggi serta bantuan dalam kewangan dalam menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu dan memberi pendapat serta idea.

Akhir sekali, penghargaan ini juga saya ucapkan kepada tukang membuat alat muzik iaitu Encik Khairul bin Sazeli tmerupakan seorang petani dan nelayan yang membantu dalam proses kajian penyelidikan ini dijalankan kerana tanpa bantuan kalian Projek Penyelidikan inidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua responden yang telah banyak memberi maklumat dalam kajian ini.

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini ditulis adalah bertujuan untuk mengenal pasti alat muzik Kelantan yang semakin pupus ditelan arus pembangunan Alat muzik yang dikaji ialah alat muzik rebab. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat terutamanya generasi muda tentang alat muzik tradisional Kelantan. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejarah perkembangan rebab dan cara pembuatan serta teknik yang digunakan untuk menghasilkan alat muzik ini Kajian dijalankan berpandukan dengan sumber maklumat daripada responden dan rebab kajian lepas walaupun kekurangan kajian lepas kajian ini tetap diteruskan Pelbagai kaedah digunakan untuk menjalankan projek penyelidikan ini untuk menentukan cara yang terbaik bagi menjawab persoalan yang wujud dalam kajian.

ABSTRACT

This research project was written to identify the Kelantan musical instruments that are becoming extinct due to the current development. The musical instrument studied is the fiddle musical instrument. The main purpose of this study is provide exposure to all levels of society, especially the younger generation about the traditional musical instruments of Kelantan. In addition, this study was conducted to identify the history of the development of fiddle and manufacturing methods and techniques used to produce this musical instrument. The study was conducted based on information sources from respondents and fiddle previous studies. This is determine the best way to answer the question that exist in the study.

BAB 1

1.0 Pengenalan

Bunyi gesekkannya meruntum jiwa dan semangat, tanpa irama rebab persembahan Makyong akan tempang, main peteri akan hambar, menora akan suram dan tarik Selampit akan menjadi kosong. Alat muzik tradisional Melayu merupakan alat teknologi dan kebudayaan yang wujud mengadaptasi hasil daripada kebijaksanaan masyarakat Melayu mengadaptasi alam sekitar dengan keperluan harian. Kajian mengenai alat muzik serta bentuk muzik yang berkembang dalam sesebuah masyarakat adalah merupakan satu usaha yang berfaedah bertujuan mengemukakan satu gambaran yang jelas serta unik terhadap unsur dan dimensi budaya eksperif masyarakat melayu. Alat seni berperanan menghasilkan alunan bunyi yang digunakan untuk mengiringi seni persembahan yang memiliki pelbagai fungsi dalam masyarakat. Antara alat muzik yang masih wujud dan digunakan dalam persembahan Melayu sehingga kini ialah rebab (Rebab Kelantan). Alat muzik pembawa melodi atau iringan dalam persembahan Makyong, Menora, Main Teri(puteri) dan Tarik Selampit. Penggunaan rebab di alam Melayu turut disebut dalam sastera lisan tradisional Melayu yang berkembang di dalam tradisi istana (Azhar Abdul latif 2009 Siti Zainon, 2000). Sastera Melayu lama seperti teks Sejarah Melayu telah menyebut rebab apabila menceritakan tentang bunyi-bunyian Melayu'. Dalam Teks Hikayat Merong Mahawangsa menyebut tentang 'hebab '(rebab) sebagai alat muzik yang digesek dalam kebudayaan tersebut. Rebab merupakan tradisi budaya Melayu yang telah mengalami proses perubahan dan penyesuaian daripada satu tahap kepada satu tahap yang dilalui oleh orang Melayu. Menurut sejarah tertentu juga, rebab telah dimainkan hampir di seluruh dunia bermula dari Pasifik Utara ke Asia Tengah, dan ke Mediterranean dan juga, melalui Andalusia ke Eropah Barat (Di Eropah ia dipanggil " Rebec" Rebek).

Alat muzik ini menggunakan penggesek dan mempunyai tiga utus tali daripada dawai logam. Kebiasaanya badan rebab diperbuat daripada kayu nangka dan berongga di

bagian dalam Rebab dikategorikan sebagai alat muzik kordofan iaitu alat muzik yang mana sifat serta sumber bunyinya terhasil daripada bahan tali yang diregangkan. Rebab mempunyai beberapa bahagian yang merangkumi kepala rebab iaitu pucuk rebung, pemulas, batang, susu, pacat, muka rebab, tali, susu dan kaki. Teknik memainkan alat muzik gesek dengan cara digesek. Suara yang dihasilkan berasal dari dawai yang digetarkan dengan digesek.

Secara fizikal perkembangan rebab di Malaysia dapat dilihat sebagai satu objek seni yang mempunyai makna simbol yang tersendiri dari segi estetikanya berhubungan dengan bentuk, hiasan dan struktur fizikalnya. Di Malaysia, terdapat dua jenis rebab yang masih digunakan iaitu rebab Kelantan dan rebab Kedah Perbezaan diantara dua jenis rebab ini melalui muka rebab dimana rebab Kelantan mempunyai muka yang berbentuk manakala rebab Kedah hanya berbentuk bulat. Selain itu rebab Kelantan mempunyai susu manakala rebab kedah tiada susu.

1.1 Latar Belakang

Dari segi sejarah, rebab dipercayai mula wujud di kawasan Utara Iran iaitu Kurdistan dan mula berkembang di rantau Timur Tengah yang dicatatkan seawal kurun ke 10 (Curts Sach 1940:255). Idea terawal menggunakan kaedah gesekan bagi alat-alat bertali di dunia dikatakan bermula dari kalangan orang-orang nomad yang telah mendiami di kawasan lapangan di Utara Kirghiz Kazakh dan Mongolia. Mereka juga dipercayai telah mula diperkenalkan alat-alat "lutes" yang digesek ke kawasan benua India dan turut mengubah bentuk-bentuk alat tali dari jenis yang pendek. Ia dibawa ke Asia Tenggara melalui perdagangan orang Arab dan kedatangan agama Islam yang tersebar ke rantau Melayu sebelum kurun ke-13. Rebab dikatakan wujud sebelum zaman Nabi Muhammad saw dan dimainkan oleh Raja Sulaiman dan dilengkapi lagi oleh Abdullah Faryabi. Mengikut sejarah, rebab bertali satu telah muncul sejak zaman keagungan Parsi lagi dan di Parsi alat ini digunakan untuk mendeklamasikan syair yang dikenali sebagai Rabab UL-Shaer. Alat ini kemungkinan datang melalui Perlak dan

Pasai. Maka dari situ rebab mula merebak ke kawasan lain di rantau ini. (Mohamed Ghouse Nasuruddin 2003:6-7). Rebab berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud busur. Rebab dikatakan bukan milik eksklusif rakyat Kelantan sebaliknya rebab ini adalah universal kerana ia mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Er Hu, Violin dan Cello yang dikategorikan dalam 'chordophone' iaitu alat yang dihasilkan dari gesekan. Di Afghanistan ia disebut "rubab" tetapi dalam bahasa Persia disebut "rabab" yang membawa maksud kumpulan alat-alat muzik gesek. Sedangkan di India alat muzik yang bernama "sarod" berasal dari rebab yang dibawa dari Timur Tengah. Di Indonesia rebab dikenali sebagai tra khmer (tro u) dan alat yang sama dengan rebab di Thailand ialah "so sam si" yang bertali tiga.

Di Malaysia, rebab terkenal di Kelantan, Kedah dan Terengganu dalam pertunjukan drama seperti Makyong, Menora, Main Teri (puteri), dan Tarik Selampit. Selain itu, rebab juga digunakan dalam upacara pengubatan tradisional yang disebut "pateri". Alat muzik rebab terbukti menjadi tulang belakang ketika memasuki babak 'menghadap rebab'. Dalam persembahan Mak Yong pemain rebab dikenali dengan nama Tok Minduk, tok minduk menjadi ketua kumpulan muzik Mak Yong dan pemimpin. Rebab dimainkan ketika mengiring watak Raja atau pengasuh sedang beraksi dalam persembahan.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Alat muzik tradisional rebab semakin dilupakan oleh masyarakat Melayu pada masa kini terutamanya generasi belia. Generasi hari ini tidak peduli dan sudah melupakan rebab sebagai warisan nenek moyang. Manakala generasi muda pada hari ini kurang

minat dengan alat muzik tradisional kerana mereka lebih terdedah dengan alat muzik moden. Mohamed Ghouse turut menyatakan kenyataan bahawa,

"ketika ini hampir semua pemain muzik tradisional adalah orang yang lewat umur. Tidak terdapat barisan pelapis di kalangan anak anak muda kerana kebanyakan mudamudi lebih tertarik dengan muzik barat yang jauh lebih popular daripada muzik tradisional. Keadaan ini berlaku kerana pengaruh muzik barat telah menyerap ke dalam cara hidup masyarakat Malaysia akibat daripada pengaruh media elektronik dan media cetak serta peranan saluran pendidikan yang menggalakkan pengajian muzik barat".

(Ghouse: Seni Persembahan Tradisi Menjelang Awal Abad ke 21, 1994:6-9)

Berdasarkan pernyataan di atas, satu kajian mengenai alat muzik tradisional terutamanya alat muzik rebab. Khususnya rebab kelantan perlu dijalankan supaya dapat membantu generasi muda dan masyarakat umum terdedah mengenai perkara ini secara keseluruhan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Memahami dan mengetahui sejarah dan perkembangan Alat Muzik Rebab Kelantan.

1.3.2 Mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai cara pembuatan dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan alat muzik rebab Kelantan

1.3.3 Mengenalpasti cara dan usaha untuk mengekalkan alat muzik Rebab dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1.4.1 Bagaimanakah sejarah dan perkembangan alat muzik rebab Kelantan?

1.4.2 Bagaimanakah cara pembuatan dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan Alat Muzik Rebab Kelantan ?


1.4.3 Mengapakah Alat muzik Rebab perlu dikekalkan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan ?

1.5 SKOP KAJIAN

Dalam menjayakan penyelidikan ini kajian akan dibuat ditempat-tempat yang dikenal pasti membuat rebab dan persembahan Makyong Batasan Kajian yang dijalankan di negeri Kelantan dan lebih spesifik di Kota Bharu dan Pasir Mas di negeri Kelantan. Tempat ini dipilih kerana ia lebih tertumpu kepada tempat pembuatan alat muzik

tradisional Kelantan. Selain itu, tumpuan pengkaji yang utama bagi menjalankan kajian ialah di muzium Kelantan yang banyak menyimpan koleksi alat muzik rebab.

KELANTAN



KELANTAN MAP

Rajah 1.1 Peta Negeri Kelantan

Sumber :

<https://www.google.com/search?q=kelantan+maps&oq=kelantan+maps&aqs=chrome.69i59j0i22i3012.2986j0j9&sourceid=chrome&ie=UTF-8>

Pengkaji telah menghadkan batasan kajian seperti berikut:

1.5.1 Kajian terhadap Sejarah dan perkembangan alat muzik rebab yang semakin pupus di sekitar daerah jajahan Kota Bharu dan Pasir Mas, Kelantan.

1.5.2 Kajian terhadap cara pembuatan dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan Rebab di daerah Pasir Mas, Kelantan.

1.5.3 Kajian untuk mengenalpasti cara dan usaha untuk mengekalkan alat muzik Rebab dinegeri Kelantan.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1.6.1 Individu

Kepentingan kepada individu dalam kajian ini, pengkaji dapat mendedahkan tentang sejarah dan perkembangan alat muzik rebab. Selain itu, pengkaji dapat mengetahui cara dan teknik untuk menghasilkan rebab serta dapat memberi pandangan tentang usaha untuk mengekalkan rebab sebagai alat muzik Kelantan.

1.6.2 Masyarakat


Kepentingan kepada masyarakat dalam kajian ini pula, pengkaji dapat berkongsi dan menjadi sumber rujukan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat terutamanya pelajar yang ingin membuat penyelidikan mengenai alat muzik rebab ini.

1.6.3 Negara


Kepentingan kepada Negara pula, penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji boleh dijadikan sebagai satu warisan tidak ketara atau artifak yang boleh dipamerkan di muzium dan boleh menjadi identiti yang melambangkan masyarakat Kelantan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



BAB 2

KAJIAN TERDAHULU

KELANTAN

2.0 PENGENALAN

Bahagian ini memberikan huraian kajian lepas mengenai kajian ini. Pengkaji akan menjalankan kajian berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu. Pengkaji akan menjalankan kajian terhadap kajian pengkaji yang terdahulu berkaitan tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu Rebab Kelantan. Perbincangan bahagian ini merujuk kepada kajian lepas yang mengenai definisi alat muzik rebab, sejarah perkembangan, bahagian (struktur) dalam rebab, cara pembuatan dan kepentingan rebab.

Beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu telah diambil oleh pengkaji untuk meneruskan kajian.

2.1 SEJARAH PERKEMBANGAN

Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu suatu ketika dahulu kaya dengan pelbagai seni yang terdiri daripada seni suara, seni persembahan, seni muzik dan sebagainya. Pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang ada pada generasi terdahulu telah diaplikasikan dan diterjemahkan menjadi satu identiti atau lambang dalam masyarakat Melayu yang kaya dengan nilai estetika.

Muzik adalah medium pernyataan sosial yang sangat asas dalam kehidupan manusia sejak zaman Yunani lagi. Selain ilmu-ilmu sains tulen dan ilmu-ilmu lain, muzik sebagai ilmu telah dieksport ke Eropah, Greece dan ke seluruh Asia Timur oleh orang Arab (M.M. Shariff: 1966: 1168). Orang Islam Arab menurut M.M.Sharif (1966: 1125), memberikan takrifan muzik sebagai 'art which the noblest minds in Islam believed to be capable of being informed with and ennobled by thought, and in turn to adorn and enforce thought, and to be thus understood and felt'.

M.M Sharif (1966) merumuskan bahawa muzik adalah alat mendekati masyarakat dan menjadi sebahagian daripada unsur dalam kehidupan masyarakat. Seni muzik di Alam Melayu telah menggambarkan bahawa kebudayaan luar telah membentuk satu identiti dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Pencampuran budaya ini telah menghasilkan bentuk muzik yang hybrid dan memiliki Identiti yang tersendiri (Wiliam P.Malm, 1967:1). Menurut Nik Mustapha B. Nik Mohd Salleh (1995) asal usul alat muzik secara amnya bermula daripada masyarakat primitive. Mereka telah menggunakan muzik dan tari dalam pemujaan kuasa-kuasa ghaib mengikut kepercayaan dan animisme yang dipercayai dapat memberi makna kepada kehidupan mereka.

Antara alat muzik tradisional yang masih wujud dan digunakan dalam masyarakat Melayu sehingga kini ialah Rebab bertali tiga (Rebab Kelantan). Rebab ialah suatu alat muzik yang mempunyai tali dan penggesek, rebab biasanya dimainkan sebagai alat pembawa melodi kepada persembahan Makyong, Main Peteri dan Tarik Selampit. Pada tahun 2005, UNESCO telah mengiktiraf teater Makyong sebagai 'a masterpiece of the Oral and Intangible Heritage of Humanity' dan mewartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) yang telah menyedarkan pelbagai pihak tentang usaha memelihara rebab sebagai artifak warisan tidak ketara Negara.

Di Semenanjung Malaysia, rebab telah wujud dengan tali tiga. Terdapat juga rebab daripada negara Thailand yang mempunyai tiga tali dan memiliki fizikal yang hampir sama dengan rebab dan alat muzik ini dikenali dengan nama Sg Sam Sai. Dalam konteks alam Melayu, Rebab dikategorikan sebagai alat gesekan berdasarkan cara alat muzik itu menghasilkan bunyi (Siti Zainon 2000) Di Kedah rebab juga mempunyai tiga tali yang digunakan dalam Makyong Kedah yang masih menggunakan tali yang dipintal daripada benang kapas dan tidak diselaraskan. Rebab bertali dua pernah digunakan di

Kelantan dalam seni teater Makyong suatu ketika dahulu namun, rebab bertali dua sudah tidak digunakan lagi. Rebab bertali dua ini dikatakan mempunyai pengaruh serta ciri-ciri ekustik yang sama terdapat di tanah Jawa, Indonesia. (Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh, 1995:106).

2.2 Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji tentang alat muzik Rebab Masing-masing melihat daripada sudut dan aspek yang berbeza.

Dari segi persejarahan alat-alat gesekan bertali dikatakan bermula dalam kalangan orang-orang nomad yang telah mendiami kawasan Utara Kirghiz Kazakh dan Mongolia Mereka juga turut dipercayai telah memperkenalkan alat-alat yang digesek ke kawasan Benua India dan telah mengubah bentuk-bentuk alat tali dan mula berkembang di utara Iran dan makin berkembang di rantau Timur Tengah yang disebut di dalam catat al-Farabi pada kurun ke -10 (Curtis Saçh, 1940: 255)

Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia, alat muzik rebab adalah alat muzik gesek yang menyerupai alat muzik biola yang memiliki dua sampai tiga tali dan mempunyai penggesek yang berbentuk seperti busur panah. Nada atau suara yang dimiliki rebab sangat luas dan berbeza dengan biola dan alat muzik rebab sering digunakan untuk mengiringi nyanyian. Manakala, Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat mendefinisikan rebab merupakan sebuah alat bunyi - bunyian seperti biola yang bertali dua atau tiga .Menurut artikel House Rumi Mawlawi Music & Beneficiary Association & Sema Ensemble Education Culture yang ditulis oleh Galata Mawlawi rebab berasal dari Parsi dan telah berkembang ke rantau Eropah dan Afrika. Dikatakan juga rebab telah berkembang dengan meluas selepas abad ke-10.

Alat fiddles mempunyai dua jenis iaitu lutes berleher panjang dan berleher pendek. Lutes yang berleher panjang mempunyai spike atau kaki dan mempunyai leher yang

menembusi badyanan serta ditutup dengan bahan berkulit seperti kulit haiwan. Alat ini ditakrifkan sebagai The Spike Fiddles, yang boleh didapati di Malaysia, Indonesia, Thailand Greece, dan Afghanistan dan menamakan alat ini sebagai rebab. Manakala lutes yang berleher pendek mempunyai badan yang membujur serta ramping di bahagian tengah - tengah dan tidak mempunyai spike atau kaki. Secara umum ia ditakrifkan sebagai The Non-Spike Fiddles yang terdapat di India dan Magribi. Menurut Galate Mawlavi menerusi artikel yang bertajuk 'House Rumi Mawlavi Music & Sema Ensemble Education Culture & Beneficiary Association' terdapat dua jenis lutes dalam alat muzik rebab yang mempunyai bentuk dan menghasilkan nada yang berbeza apabila dimainkan, namun kedua-duanya mempunyai dua atau tiga utas tali.

"..A part of the generic 'lute' family there are two basic types of rebab wooden fiddles with pear-shaped or elongated bodies and spiked fiddle named for the extension or spike on the bottom of the instrument on which it stands when played. Generally, both styles have 2 pr 3 gut or other strings....

Mohamed Ghouse Nasaruddin (1989) telah mengiktirafkan alat-alat muzik tradisional Melayu kepada empat kumpulan asas mengikut sistem pengklafikasi alat muzik Sach Hornbostel 1914 iaitu aerofon menghasilkan bunyi melalui udara yang bergetar. Contoh : Serunai, Seruling Bambu, Bangsi, dan Nafiri. Kedua, membranofon-menghasilkan bunyi melalui membrane (kulit) yang bergetar. Contoh: gendang, rebana, jidur dan kompang. Ketiga Idionofon - menghasilkan bunyi melalui getaran badan (gong, kesi, canang dan alat-alat gemelan. Keempat, kordofon - menghasilkan bunyi melalui tali yang bergetar Contoh: rebab, gambus dan kecapi.

2.3 KERANGKA TEORI

Kajian teori dalam suatu penelitian adalah sangat diperlukan oleh sesuatu kajian. Beberapa latar teori yang telah digunakan yang didapati bersesuaian dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji. Antaranya ialah:

2.3.1 Teori Estetika

Estetika adalah cabang falsafah yang berunsurkan keindahan, seni dan rasa dengan penciptaan dan apresiasi kepada keindahan. Dalam kamus- kamus bahasa Inggeris, iaitu 'aesthetic' digunakan sebagai kata sifat untuk menerangkan keadaan kecantikan atau keindahan sesuatu benda atau untuk menerangkan perkara perkara yang berkaitan keindahan.

Estetika yang berasal daripada sumber Greek yang mempunyai kaitan dengan deria pengamatan yang melibatkan mata yang berfungsi untuk melihat dan telinga yang berfungsi sebagai mendengar. Dalam proses menikmati estetika sesuatu objek seni, mata dan telinga merupakan antara deria yang boleh menilai estetika. Proses imaginasi ini ialah bagaimana seseorang menikmati sesuatu karya yang melibatkan perasaan dan emosi (Zakaria Ali, 1993).

Mengikut Webster, estetika ialah pembelaran tentang falsafah kecantikan dan ia merupakan pandangan luar sesuatu hasil seni. Perkataan ini berasal daripada perkataan 'aisthetikos' yang bermaksud sensitif. Perkataan ini berkembang daripada perkataan 'aisthannesthai' yang bermaksud tanggapan.

Estetika telah bermula pada zaman tamadun Yunani iaitu pada zaman Platonis. Menerusi buku "What is Beautiful" banyak diperkatakan oleh Socrates, Plato dan Aristotle. Istilah estetika wujud pada abad ke-18 dan dikaitkan dengan falsafah keindahan. Perkataan estetika berasal dari perkataan Inggeris Yunani iaitu 'aesthetisis' yang bermaksud perasaan atau sensitiviti. Manakala estetika dalam bahasa Arab disebut sebagai 'al-jamal' dan dipersetujui oleh Hamidah Abdul Hamid yang telah dinyatakan dalam bukunya yang berjudul Pengantar Estetik yang membawa maksud kepekaan dan bersangkutan dengan ungkapan yang indah dalam keindahan.

Menurut Kamus Dewan, perkataan estetika merujuk kepada satu cabang falsafah yang mengkaji konsep yang berkaitan dengan keindahan, citarasa dan sebagainya. Menurut pandangan sarjana Barat iaitu Plato (428-348 S.M), keindahan merupakan reality yang betul dan merupakan sejenis hakikat yang abadi dan berubah-ubah. Falsafah beliau dianggap sebagai batang dari segala akar estetika dan telah mengemukakan teori keindahan melalui karyanya yang bertemakan cinta.

Estetika dari sudut Melayu merupakan ilmu yang didapati daripada apa yang dinilai daripada objek seni. Orang Melayu melahirkan nilai estetika melalui objek seni yang berkait rapat dengan alam. Orang Melayu menjadikan alam semula jadi sebagai sumber bahan untuk menghasilkan sesuatu karya seni dan mengaitkan dengan nilai estetika. Bahan daripada sumber alam merupakan tahap pengalaman yang sangat penting untuk orang Melayu berkarya. Keadaan alam semula jadi menjadi faktor penarik kepada seniman Melayu menghasilkan sesuatu yang mempunyai kegunaannya dan berfungsi kepada dirinya sendiri dan masyarakat. Nilai estetika merupakan satu penghasilan yang dihasilkan oleh orang Melayu yang halus, berguna, bersatu dan mempunyai prinsip supaya hasilnya memberi kepuasan kepada diri sendiri dan masyarakat.

Artikel "An Essay In Aesthetics" dalam buku yang ditulis oleh Morris Weitz (1959) yang berjudul "Problems In Aesthetics" yang menyatakan tentang konsep keindahan

dalam seni. Menurut beliau, sesuatu objek yang dicipta untuk menimbulkan kesan keindahan seharusnya mempunyai fungsi yang bukan sahaja digunakan tetapi dapat melahirkan rasa gembira atau menyenangkan hati.

Sidi Gazalba (1977) dalam bukunya *Pandangan Islam Tentang Kesenian* menyatakan bahawa teori tentang keindahan yang dikemukakan oleh ahli falsafah sejak dahulu lagi dapat dibahagikan kepada teori lama yang bersifat metafizikal manakala teori moden yang bersifat psikologikal. Baginya akal bukan sahaja memiliki deria fikiran dan kemahuan (nafsu), malah memiliki deria rasa yang boleh merangsang kepada penghasilan dan penilaian seni yang halus.

Sidi Gazalba (1997) dan Bearsley (1996) turut mengemukakan teori keindahan yang dikemukakan oleh ahli falsafah metafizikal dan psikologikal oleh Plato, Plotinus dan Hagel. Mengikut mereka, teori keindahan yang dikemukakan oleh ahli falsafah mempunyai persamaan dan kebenaran tentang keindahan kebaikan dan yang mutlak. Perkara ini juga disokong oleh Othman Mohd Yatim (1989) yang turut menyatakan keindahan selalunya dikaitkan dengan rasa yang menggembirakan, menyenangkan, memuaskan dan dihargai. Beliau menambah lagi sesuatu yang menggembirakan dan menyenangkan biasanya lahir daripada khalayak terhadap objek yang indah yang dikatakan mempunyai seni dalam konteks kebudayaan dan kesenian yang berfungsi memenuhi nilai estetik.

Terdapat dua teori tentang estetika iaitu keindahan bersifat subjektif dan objektif. Keindahan subjektif ialah keindahan pada mata yang memandang, manakala keindahan objektif menempatkan kepada keindahan pada benda yang baru dilihat sesuatu bentuk. Nilai keindahan itu dapat diukur melalui dua sudut iaitu sudut objektif dan subjektif. Dari sudut objektif, ciri-ciri yang dinilai adalah seperti bentuk objek atau karya itu.

Bentuk karya yang menumpukan kepada aspek -aspek yang nyata adalah berasaskan kepada elemen reka bentuk seperti warna, bentuk luar (shape), garis, tekstur, nada dan sebagainya. Selain bentuk penilaian, keindahan secara objektif juga mengambil kira idea atau isi sesuatu karya. Idea yang dimaksudkan merupakan gabungan kebijaksanaan daya pemikiran, imaginasi dan emosi seseorang seniman dalam melahirkan karyanya. Untuk melahirkan sesuatu karya yang harmoni, pencipta haruslah menyatukan elemen reka bentuk yang merangkumi warna bentuk, tekstur dalam bentuk kesatuan dan dalam masa yang sama boleh memberi rangsangan kepada emosi, idea dan imaginasi.

Keindahan secara subjektif dilihat dari sudut kegembiraan yang dirasai hasil daripada khalayak dan penilaian sesuatu karya itu. Untuk menilai keindahan secara keseluruhan, seseorang perlu melihat secara objektif karya itu dan merasakan keindahan secara subjektif. Penilaian secara subjektif merupakan penilaian yang lebih bergantung kepada objek seni dan penilaian itu sendiri. Penilaian objek seni adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain.

2.4 ULASAN TEORI

Pengkaji telah menggunakan dua jenis teori dalam kajian iaitu estetika, Estetika seperti yang telah dijelaskan meliputi aspek keindahan dalam pelbagai aspek. Pengkaji telah menggunakan teori estetika untuk menentengahkan dari sudut keindahan yang boleh dilihat pada alat muzik rebab. Alat muzik rebab ini digunakan dalam pelbagai persembahan termasuklah persembahan Mak yong, Menora, Main Puteri dan Tarik selampit. Alat muzik rebab ini khususnya di Kelantan mempunyai nilai estetika yang tersendiri dan mempunyai nilai yang tinggi.

Rebab ialah alat muzik bertali dari kumpulan kordofon yang dikategorikan sebagai alat muzik tradisional Melayu Malaysia, terdapat dua jenis rebab yang digunakan Di semenanjung iaitu rebab bertali dua dan bertali tiga. Rebab bertali sangat sinonim

dengan masyarakat Melayu di Kedah. Rebab bertali sangat dikenali sebagai rebab Kelantan dan terkenal di selatan Thailand. Rebab bertali tiga merupakan salah satu alat muzik yang mengiringi persembahan Makyong, Menora, Main Puteri dan Tarik Selampit. Persembahan-persembahan ini sangat popular di bahagian pantai timur terutamanya Kelantan dan selatan Thailand.

Rebab berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud busur. Rebab dikatakan bukan milik eksklusif rakyat Kelantan sebaliknya rebab ini adalah universal kerana ia mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Er Hu, Violin dan Cello. Di Afganistan ia disebut "rubab", tetapi dalam bahasa Persia disebut "rabab" yang membawa maksud kumpulan alat-alat muzik gesek. Sedangkan di India alat muzik yang bernama "sarod" berasal dari rebab yang dibawa dari Timur Tengah. Di Indonesia rebab dikenali sebagai "tra khmer (tro u) dan alat yang sama dengan rebab di Thailand ialah "so sam si" yang bertali tiga. Rebab juga digelar 'umbang yang masih tidak dikenalpasti tentang kesahihan di sebaliknya. Perkataan umbang mungkin daripada sebutan yang berasal daripada perkataan kerana bunyi rebab yang dikatakan seperti 'kumbang'.

Cara menggesek rebab atau bermain rebab ia mempunyai gaya yang tersendiri dan menggunakan teknik serta kemahiran untuk menggeseknya. Rebab biasanya dimainkan secara solo dengan menggunakan teknik petikan jari peranan penting untuk memilih tali dan penggesek yang memainkan untuk menghasilkan bunyi. Penggesek merupakan alat perintis kepada bunyi iaitu "sound initial device" bagi rebab. Rebab dimainkan secara menggesek ke kiri dan ke kanan mengikut ketepatan lagu dan irama. Pergerakan dari alat penggesek akan menghasilkan alunan bunyi yang mendayu-dayu dan mengusik jiwa. Teknik menggesek dan memetik rebab pula, boleh dibahagikan kepada dua teknik yang menggunakan bahagian tengah badan atau menggunakan dua hujung jari. Sebelum menggesek rebab tali penggesek perlu digosok terlebih dahulu dan disapu dengan damar kayu supaya tali penggesek menjadi kesat dan tidak licin apabila digesek. Selain mengelakkan tali menjadi licin ia juga bertujuan untuk mendapatkan bunyi rebab yang lebih kuat dan jelas apabila digesek.

Keunikan alat ini terletak pada reka bentuk alat penggosok dan teknik pembuatan yang lebih kepada kemahiran bertukang. Tukang pembuat rebab akan memilih kayu yang baik untuk membuat rebab kerana kayu yang dipilih akan di kaitkan dengan sifat semula jadi kayu. Kayu yang dipilih akan menentukan bunyi rebab itu sama ada keras, lembut dan ringan. Orang Melayu turut melambangkan bentuk rebab sebagai seorang perempuan kerana rebab mempunyai struktur tubuh seperti perempuan. Struktur rebab terdiri daripada beberapa bahagian iaitu kepala, telinga, leher, badan, bahu, muka, susu, cheli, tali kembangan, penggosok dan kaki paksi. Ukuran rebab dari hujung kepala hingga ke hujung kaki adalah antara 100 cm hingga 120 cm. Kelebaran bahu tempurung dalam lingkaran 20 cm dan mempunyai ketebalan 4 cm hingga 5 cm.

Selain daripada teknik menggosok rebab, terdapat juga cara duduk seorang pemain rebab. Kedudukan untuk menggosok rebab perlu dalam keadaan bersila. Duduk bersila merupakan cara duduk yang paling sesuai untuk menggosok rebab. Kedudukan rebab diletakkan secara menegak di tengah-tengah pemain atau hendaklah ke kiri sedikit mengikut keselesaan pemain. Semasa menggosok rebab, batang rebab akan dipegang dengan menggunakan pangkal jari telunjuk ibu jari dan ruang kosong diperlukan sedikit diantara batang rebab dengan tangan yang memegang rebab. Ia bertujuan untuk memudahkan pergerakan naik turun tangan ketika menggosok rebab. Cara memegang penggosok pula ialah meletakkan jari kelinking, jari manis dan jari hantu diantara batang penggosok.

Rebab mempunyai badan kayu yang berbentuk segitiga. Muka rebab atau tempurung rebab berperanan sebagai kotak gema atau resonator. Bahagian muka rebab yang akan

ditutup menggunakan kulit lembu (belulang lembu) yang telah dikeringkan. Kulit lembu (belulang) digunakan kerana bahagian tersebut lebih nipis. Pada permukaannya diregangkan atau dirambingkan dengan kulit bagi menentukan mutu dan suara yang ideal.

Kepakaran orang Melayu menghasilkan alat muzik dengan menggunakan kepakaran tangan dan menjadikan sumber alam sebagai sumber utama untuk menghasilkan produk. Sebagai contohnya rebab direka dan dihasilkan untuk tujuan sebagai alat hiburan dan mempunyai nilai estetika dari segi reka bentuk yang menyerupai struktur badan manusia. Rebab juga mempunyai ukiran pada bahagian kepala yang diukir dengan motif-motif alam. Terdapat dua motif yang digunakan dalam kepala rebab iaitu motif pucuk rebung dan motif mahkota. Motif pucuk rebung diambil sebagai motif utama oleh pembuat rebab kerana motif tersebut mempunyai nilai falsafah yang tersendiri dan mempunyai keindahan yang tinggi dalam masyarakat Melayu. Falsafah dalam pucuk rebung melambangkan bahawa manusia diibarat seperti pucuk rebung yang bermula dari bawah dan membesar. Selain itu pucuk rebung juga melambangkan hubungan diantara makhluk dengan sang Pencipta yang satu. Manakala motif mahkota turut digunakan pada kepala rebab untuk melambangkan bahawa kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Hal ini kerana dalam masyarakat Melayu mahkota hanya dipakai oleh golongan Diraja yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan dihormati oleh rakyat Jelata. Ketinggian dari segi status dan maksud motif menjadikan rebab itu sendiri mempunyai nilai estetika dan reka bentuk yang tersendiri malah berbeza daripada alat muzik lain. Rebab juga mempunyai warna yang mempunyai maksud yang tersendiri. Gabungan warna garang seperti merah, hijau dan hitam akan menyerlahkan ragam hias yang terdiri daripada kedua-dua motif ini.

2.5 LATAR BELAKANG REBAB

Dalam muzik terdapat empat kumpulan asas yang digunakan dan diamalkan ialah idofon, membranofon, kordofon dan erofon. Alat muzik rebab di kategorikan di bawah kordofon kerana rebab merupakan salah satu alat digesek yang mempunyai tali. Pembahagian rebab mempunyai sifat dan beberapa ciri terutamanya dari segi kaedah menghasilkan bunyi dan bentuk. Antara struktur rebab ialah:

2.5.1 Penggesek Rebab

Rebab mempunyai pelengkap kepada alat muzik diperbuat daripada kayu penggesek yang menjadi pelengkap kepada alat muzik ini. Penggesek rebab diperbuat daripada kayu dan mempunyai bunyi apabila digesek. Penggesek rebab berbentuk melengkung dan mempunyai ukiran pada penggesek. Menurut Hamidah Husain melalui bukunya yang bertajuk *Alat Muzik Tradisional* (1995) busur penggesek rebab diperbuat daripada kayu. Bentuk busur adalah melengkung, sesuai menempatkan tali penggesek dan diukir cantik.

2.5.2 Tali Penggesek

Tali penggesek diperbuat daripada selapuk / serat seludang kelapa (yang masih membalut mayang). Namun kini tali tangsi digunakan kerana mudah diperolehi. Menurut Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh (1995), penggesek ialah alat perintis kepada bunyi iaitu sound intial devide bagi rebab hanya diukur dengan begitu halus dan teliti daripada kayu yang terpilih. Bentuknya adalah seperti huruf 'S' terbalik. Tiga tali

yang ditegangkan merentasi bahagian utama rebab iaitu tempurung, batang dan kepala rambutan yang memiliki nada yang berbeza. Pada zaman silam, tali penggesek diperbuat daripada seluka kelapa. Kini ianya telah digantikan dengan tali tangsi yang

halus. Secara praktikal, tali penggesek ditegangkan oleh pemain sendiri. Bahan resin digunakan untuk meningkatkan geserannya.

2.5.3 Kepala Rebab

Kepala rebab merupakan bahagian yang teratas yang diperbuat daripada kayu tembusu yang mempunyai saiz 45 hingga 55 cm. Kebiasanya kepala rebab mempunyai motif yang tertentu untuk melambangkan identiti falsafah pada rebab. Alat muzik rebab biasanya diukir dengan halus untuk menunjukkan ketekunan dan kerajinan masyarakat dahulu. Motif yang digunakan pada kepala rebab ialah pucuk rebung dan mahkota. Menurut buku *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia* yang ditulis oleh Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh (1995) kepala rebab diukir daripada kayu yang terpilih dan sesuai seperti kayu angkana, setoi dan sebagainya. Berbentuk seperti pucuk rebung iaitu meruncing ke atas. Motif yang terdapat pada ukiran biasanya diilhamkan dari unsur alam seperti bunga, buah-buahan dan sebagainya. Bahagian atas batang dipasang kepala berhias. Kepala ini dikenali sebagai pucuk rebung bersempena motif ukiran yang digunakan untuk menghiasinya (Mohamed Roselan Malek, 1995:11). Di hujung leher rebab dilengkapkan dengan 'Kecopong-Kecopong' ini diukir rekabentuk pucuk rebung dan dicatkan (Patricia Matusky, 1997:27).

2.5.4 Tali Kembangan

Tali Kembangan merupakan bahan ekustik (acoustical properties) untuk menandakan jarak keseluruhan tali bagi alat muzik Rebab. Tali kembangan pintalan iaitu tali daripada benang

getaran diperbuat daripada kapas dan di lilit pada bahagian leher dan kelihatan seperti berkembangan.

2.5.5 Pacat

Pacat berperanan sebagai penungkat ataupun jambatan (brigde) untuk tali. Pacat bersifat pindah alih (movable). Alat tala atau tuning devide ini pada kebiasaannya diukir daripada kayu yang lembut seperti kayu belimbing dan berbentuk seperti seekor pacat rumput. Menurut buku Alat Muzik Tradisional (1995), pacat atau kayu kekuda titian rebab diletak di tengah-tengah muka. Bagaimanapun kedudukan ini boleh diubah mengikut hasil bunyi yang diingini oleh pemainnya.

2.5.6 Susu

Pada sudut kanan di bahagian atas muka, terdapat tumbol kecil yang dipanggil susu (mute). Susu lilin lebah. Menurut Nik Mustapha bin Nik Mohd Salleh (1995), susu diperbuat daripada lilin yang terdapat pada sarang kelulut, iaitu sejenis lebah kecil. Susu berperanan untuk mengimbangi serta memengapkan suara rebab iaitu symphathetic vibration daripada kulit muka apabila tali- tali digesek yang terhasil.

2.5.7 Cheli

Cheli merupakan salah satu struktur pada badan rebab dan satu nama tempatan yang sering digunakan di Kelantan. Dalam ilmu muzikologi ianya dikenali sebagai tail piece dan diukir dari jenis kayu ataupun buluh. Terdapat juga yang diperbuat daripada gading gajah atau tanduk (Nik Mustapha bin Nik Mohd Salleh, 1995). Pada bahagian atas, lubang-lubang ditebuk dalam kedudukan jarak lebih kurang 5mm diantara satu sama lain dan berperanan sebagai pemegang cheli. Cheli dipaku pada bahagian aras permukaan kaki paksi.

2.5.8 Kaki Paksi

Kaki Paksi berperanan sebagai spike merupakan bahagian yang paling bawah bagi rebab. Kaki paksi akan diukir daripada kayu yang lembut dan dihiasi dengan motif - motif alam yang sesuai bagi kehalusan estetika. Sebuah lubang ditebuk sedalam 4 - 5 cm dan dimasukkan di bahagian bawah paksi tunggal.

2.5.9 Paksi Rebab

Paksi rebab dikenali sebagai paksi tunggal tulang belakang kepada keseluruhan struktur. Paksi rebab akan diukir daripada kayu keras merupakan alat rebab seperti kayu nibung. Paksi rebab dipasang secara menegak menembusi bahagian dinding bawah dan atas tempurung rebab melalui lubang yang ditebuk. Ketegapan rebab ditentukan oleh paksi nya.

2.6 MOTIF YANG DIGUNAKAN (UKIRAN)

Terdapat dua jenis motif ukiran yang dikenal pasti yang digunakan pada alat muzik rebab iaitu motif pucuk rebung dan mahkota. Sebuah artikel yang ditulis dalam Informasi Kraf Malaysia yang bertajuk Rebab, ada menyebut warna garang seperti merah, hijau tua dan hitam menyerlahkan lagi ragam hias rebab yang terdiri daripada motif-motif mahkota dan pucuk rebung. Manakala dalam penulisan Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (1995) motif yang terdapat pada ukiran biasanya diilhamkan dari unsur alam seperti bunga, buah-buahan dan sebagainya.

Motif pucuk rebung sejenis corak yang sering digunakan dalam kesenian Melayu. Pucuk rebung menjadi lambang kehidupan dan corak pucuk rebung muncul dalam wayang kulit. Pucuk rebung dijadikan sebagai corak dan motif hias dalam seni ukiran, seni lukis, seni tenunan, songket, sulaman dan sebagainya. Motif pucuk rebung mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Dalam masyarakat Melayu, motif pucuk

rebung bahagian tertinggi diletakkan pada hujung kain dan bahagian tertinggi. Kajian oleh James T. Collins (1946) mendapati motif pucuk rebung disusun pada kaki dan punca kain atau selendang. Selain itu, ia digunakan pada sulaman tekat benang emas, pucuk rebung menghiasi pinggir lemudi pintu yang disebut ombak - ombak, tepak sirih dan alatan muzik. Dalam seni ukir motif, pucuk rebung turut dihiasi ombak-ombak atau gigi awan cucur atap, hiasan kaki dinding, bangau gunungan perahu nelayan, puncak perangkap burung, sarung keris, patung wayang kulit dan alatan perkakas perak.

2.7 PANTANG LARANG REBAB

Masyarakat Melayu sangat berkait rapat dengan pantang larang. Setiap perkara dalam masyarakat Melayu mempunyai pantang larang yang tersendiri dan dicipta oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Pantang larang bagi rebab terbahagi kepada beberapa jenis iaitu pantang larang ketika proses membuat, ketika dimainkan dan cara penyimpanan alat ini.

2.7.1 Proses membuat Rebab

Pantang larang yang dicipta oleh masyarakat terdahulu masih diterima dan digunakan dalam masyarakat terutamanya dalam proses pembuatan rebab. Pantang larang yang masih diamalkan oleh pembuat rebab ialah ketika proses menebang pokok untuk mencari kayu. Pantang larang menebang pokok untuk mendapatkan kayu terbaik ialah pembuat rebab dilarang menebang pokok ketika waktu senja dan perlu meminta izin daripada penunggu kawasan tersebut. Sebelum menebang pokok pembuat rebab perlu memberitahu hajat dan niat untuk menebang pokok tersebut. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan kayu yang baik dan kualiti bunyi yang merdu apabila rebab dihasilkan nanti.

2.7.2 Sebelum dan selepas digesek

Rebab akan digesek pada persembahan yang mempunyai ritual seperti Makyong, Main Peteri dan Menora. Rebab mempunyai pantang larang sebelum digesek dan selepas digesek. Pantang larang suatu ketika dahulu sebelum rebab digesek, penggesek rebab perlu meminta izin dan 'menjampi' rebab tersebut agar menghasilkan bunyi yang merdu.

Selain daripada sebelum menggesek rebab, terdapat juga pantang larang selepas menggesek rebab. Pantang larang selepas menggesek rebab ialah pemain akan menutup dengan jampi dan memohon izin untuk berhenti menggesek. Hal ini bertujuan untuk memberitahu bahawa persembahan rebab akan diberhentikan.

2.7.3 Pantang larang menyimpan rebab

Cara menyimpan rebab juga turut mempunyai pantang larang yang masih diamalkan oleh pemain rebab. Cara menyimpan rebab yang masih digunakan iaitu dengan membalut alat muzik rebab ini dengan kain berwarna kuning. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan alat muzik ini dirosakkan (dikhianat) oleh mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan pemain rebab. Selain itu, rebab perlu diletak di tempat tinggi dan disimpan dengan rapi supaya rebab tersebut tidak dilangkah. Pantang larang tidak dibenarkan melangkah rebab masih lagi diamalkan pada hari ini, kerana dipercayai jika dilangkah rebab tidak akan menghasilkan muzik yang indah.

2.8 HUBUNGAN DENGAN ALAM GHAIB.

Muzik memainkan peranan dalam menghubungkan manusia dengan alam ghaib seperti dalam persembahan main Peteri, Menora dan Makyong. Rebab merupakan alat muzik yang penting dalam mengiringi persembahan-persembahan tersebut terutamanya dalam persembahan Main Peteri. Dalam persembahan main Peteri, rebab merupakan alat muzik yang sangat penting dan dimainkan oleh Tok Minduk. Tok Minduk merupakan ketua muzik dalam persembahan Main Peteri yang bertindak menjadi pembantu Tok Peteri. Manakala, Tok Peteri juga merupakan pemain rebab yang boleh menghubungkan dengan alam ghaib. Dalam persembahan main Peteri, Tok Minduk akan menggesek rebab dan dibantu alat muzik lain untuk memanggil hantu supaya datang untuk mengubati penyakit. Manakala Tok Teri pula akan menjadi pengantaraan diantara manusia dengan alam ghaib.

Alam ghaib ini dipercayai dihuni oleh makhluk halus, jin, hantu dan sebagainya. Ia akan merasa marah apabila tidak dipuja dan tidak mempersembahkan jamuan kepada mereka. Oleh itu, bagi menghubungkan dan mempersembahkan jamuan kepada mereka, alat muzik dijadikan sebagai medium pada suatu ketika dahulu sebagai alat perhubungan mereka. Sebagai contoh alat muzik rebab bertindak sebagai alat untuk memanggil penghuni-penghuni alam ghaib ini. Selain itu, rebab juga dikatakan mempunyai "nyawa". Menurut seorang pembuat rebab yang terkenal di Kelantan, Encik Hamzah Bin Yusof yang dikenali dengan nama Pak Jah, rebab akan berbunyi dengan sendiri apabila tidak digesek dan rebab ini mempunyai nyawa yang tersendiri.

2.9 FUNGSI REBAB

Rebab tiga tali digunakan sebagai alat melodi dalam ensemble Makyong, Main Peteri, Menora dan Tarik Selampit yang asalnya berkembang di negeri Kelantan. Dalam Tarik Selampit ianya digunakan sebagai alat gandingan dengan penceritanya yang bergelar Tok Selampit ataupun penglipur Lara (Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh. 1995:106)

2.9.1 Persembahan Teater Makyong

Penggunaan rebab turut disebut dalam sastera lisan tradisional Melayu yang berkembang di dalam istana melalui teater Makyong. Dalam persembahan teater makyong rebab berperanan memberikan melodi dengan iringan penyanyi atau secara solo dengan diringi paluan gendang dan tetawak yang memberi irama. Bagi masyarakat Melayu Kelantan, peranan Rebab juga digunakan dalam muzik Makyong yang menjadi hiburan masih kekal pada hari ini.

Dewa Muda dan Raja Gondang diiringi muzik rebab. Penggesek rebab atau pemain rebab berperanan sebagai ketua pemuzik di dalam persembahan dan mengetuai upacara membuka panggung dengan persembahan menghadap rebab. Terdapat lebih kurang 30 bilangan lagu yang dimainkan dalam persembahan makyong (Mohamed Ghouse Nasuruddin 2003:50).

2.9.2 Main Puteri

Dalam permainan Main Puteri yang terkenal di Kelantan turut menggunakan rebab sebagai pembawa melodi ensembel muziknya. Rahimidin Zahari, (2007) menyatakan bahawa "dalam persembahan Main Puteri ini terdapat pelbagai alatan muzik yang digunakan. Antaranya seperti rebab, serunai, tetawak, gendang, canang dan kesi. Alat-alat muzik ini akan berada di hadapan Tok Teri yang berhadapan dengan Tok Minduk. Menurut beliau juga dalam upacara Main Puteri, rebab merupakan alat muzik yang mempunyai peranan terpenting. Beliau ada menyatakan bahawa Rebab akan digesel dengan tertib semasa ia dimainkan tiada siapa dibenarkan melintasi dihadapannya kerana rebab melambangkan gerak mula kehidupan manusia yang murni, tertib dan sempurna dalam kehidupan anggota badan. Main puteri merupakan seni persembahan yang memiliki elemen ritual bertujuan pengubatan yang diadakan untuk mengetahui punca penyakit serta berusaha menyembuhkan penyakit dengan cara memujuk kuasa-kuasa luar biasa (ghaib) yang dikatakan menyebabkan seseorang itu mendapat penyakit (Mohd Rakbi Mat Daud: 1989:63).

2.9.3 Tarik Selampit

Rebab juga mempunyai fungsi yang amat besar suatu masa dahulu dalam permainan Tarik Selampit yang digunakan oleh Tok Selampit sebagai muzik iringan dengan menyampaikan cerita-cerita hikayat sebagai hiburan kepada masyarakat. Dalam masyarakat dahulu, Tarik selampit merupakan alat hiburan bagi masyarakat dahulu yang tidak mempunyai teknologi seperti hari ini. Tarik Selampit biasanya dimainkan pada waktu malam sebagai aktiviti riadah atau hiburan selepas penat bekerja seharian di ladang atau sawah. Kebiasaannya Tok Selampit akan menyampaikan cerita-cerita hikayat dengan diiringi dengan gesekan rebab. Kebiasaannya cerita yang disampaikan akan bersambung pada malam berikut kerana cerita hikayat yang disampaikan terlalu panjang dan berepisod mengikut jenis cerita yang dibawa. Pertunjukan sendiri barabab yang bereti bercerita atau berkaba dengan iringan lagu dan bunyi rebab yang digesek oleh pencerita (Syamsudin, 1993:6).

2.9.4 Menora

Di negeri Kelantan, alat-alat muzik dari teater tradisi Melayu Makyong dan wayang kulit Kelantan digunakan dalam persembahan Menora selain daripada tab dan mong. Contoh alat-alat muzik makyong ialah rebab iaitu sejenis alat kordofon bertali yang digesek. (Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng. 1997).

2.10 KESIMPULAN

Rebab merupakan alat muzik tradisional dikategorikan sebagai kordofon iaitu alat gesekan yang bertali bertiga.

Perkembangan rebab dari Negara luar telah membuatkan pembuat rebab di negeri Kelantan merekabentuk dan menghasilkan rebab negeri Kelantan yang bertali tiga yang mempunyai identiti yang tersendiri. Selain itu, rebab juga mempunyai nilai estetika yang tersendiri dan menjadi iringan muzik dalam persembahan tradisional Melayu seperti Main Peteri dan Makyong dan Menora.

Selain itu, rebab juga mempunyai struktur bahagian badan sama seperti manusia. Hal ini kerana terdapat kepala rebab, paksi rebab, muka rebab, susu cheli dan sebagainya. Rebab juga mempunyai sifat dan struktur seperti wanita dan lebih kepada seorang perempuan.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan cara yang terbaik bagi menjawab permasalahan kajian. Bab ini meliputi kaedah pengumpulan data, kaedah mendapatkan data dan cara menganalisis data. Bab ini juga menghuraikan tentang kaedah metodologi yang akan digunakan bertujuan untuk menjelaskan cara bagaimana pengkaji mendapatkan data yang sahih dan menganalisis data.

Bab ini juga turut membincangkan tentang perkara-perkara yang menghubungkan metodologi kajian antaranya reka bentuk kajian, kaedah kajian, soal selidik dan sebagainya.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif pula bagi mendapatkan data secara terperinci dan tepat di antara pemboleh ubah dalam persekitaran kajian dan menjawab persoalan yang ingin dikaji. Kajian kualitatif menggunakan kaedah mencari dan mengumpul bahan yang berkaitan tajuk yang dikaji seperti istilah konsep dan istilah bagi menerangkan sesuatu dengan menggunakan kaedah perpustakaan, kajian lapangan, temubual dan kajian teks.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan cara bagaimana pengkaji mendapatkan data dan maklumat dalam menjalankan kajian dan cara yang digunakan untuk mendapatkan data berdasarkan tajuk yang dipilih. Kaedah yang digunakan diperolehi daripada kaedah-kaedah yang digunakan untuk menambahkan lagi data, terutamanya data tentang tajuk yang dikaji iaitu kajian mengenai rebab Kelantan mengfokuskan kepada kepala rebab. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan dalam mendapatkan data ialah data primer dan data sekunder.

3.4 DATA PRIMER

Data primer merupakan sumber data yang diperolehi secara langsung. Teknik pengumpulan data yang dijalankan dengan kaedah pemerhatian, temubual dan sebagainya. Antara data primer yang digunakan dalam penyelidikan ialah:

3.4.1 Temu bual

Temubual merupakan proses komunikasi dua hala diantara pengkaji dengan individu (responden) atau kumpulan untuk ditemubual bagi mendapatkan maklumat tentang penyelidikan yang dijalankan. Tujuan temu bual ialah untuk mendapatkan maklumat yang dikaji dan mendapat gambaran dengan lebih jelas. Kaedah temu bual bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada sumber primer. Sumber primer dikenali sebagai sumber pertama yang dijadikan sumber rujukan kerana pengkaji tidak mempunyai sebarang rujukan lain. Alat yang digunakan dalam kaedah temu bual seperti perakam video, kamera digital dan sebagainya. Terdapat empat jenis temu bual yang telah digunakan oleh pengkaji dalam proses penyelidikan antaranya

3.4.1.1 Temubual Individu

Bagi temubual secara melibatkan dua pihak iaitu pengkaji dan individu cara ini hanya individu yang hendak ditemubual sahaja (secara dua hala) Proses temubual akan dijalankan oleh pengkaji ialah menemubual tokoh rebab, pembuat rebab pemain rebab (penggesek rebab), pengukir kayu dan orang ramai bagi mendapatkan maklumat dan masalah yang berkaitan dengan kajian Individu yang akan di temubual oleh pengkaji merupakan seorang tokoh yang mahir dan berkecimpung dalam bidang alat muzik rebab Temubual memberi segala maklumat pengkaji tokoh sangat penting kerana tokoh mampu dan berkongsi pengalaman.

3.4.2 Kaedah Pemerhatian

Pengkaji akan menjalankan pemerhatian dengan memerhati cara yang digunakan oleh para pembuat rebab dalam menghasilkan rebab. Pengkaji akan memerhatikan proses pembuatan rebab dari proses awal hingga ke proses akhir termasuk pengkaji menjalankan pemerhatian cara menggesek rebab. Tujuan ini supaya dapat membantu pengkaji dari melakukan sebarang kesilapan dalam penulisan. Antara alat yang membantu dalam kaedah pemerhatian ialah video rakaman. Pengkaji akan menggunakan alat perakam video untuk merakamkan segala aktiviti yang dijalankan sepanjang proses-proses penghasilan rebab dan kefahaman cara-cara rebab digunakan (digesek) yang lebih mendalam kepada pengkaji pemerhatian yang tajam akan membantu maklumat yang lebih tepat beberapa jenis antaranya ialah: pengkaji untuk memberi Melalui mendapatkan Kaedah pemerhatian terbahagi kepada

3.5 DATA SEKUNDER

Selain daripada kaedah primer yang telah digunakan, pengkaji turut menggunakan data sekunder bagi memperbanyakkan maklumat dan bahan berkaitan dan bersesuaian dengan penyelidikan yang dikaji. Data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada hasil pengumpulan individu lain atau kajian orang lain. Sebagai contoh, buku, jurnal internat dan sebagainya.

3.5.1 Kaedah Perpustakaan

Maklumat dan data yang diperolehi dengan menggunakan kajian perpustakaan dan kajian teks telah dikumpul oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan dikaji dan dianalisis semula. Kajian perpustakaan merujuk kepada buku tesis, kertas kerja, jurnal dan akhbar yang menerangkan tentang alat muzik rebab. Perkara pertama yang dilakukan oleh pengkaji bagi memudahkan kajian adalah dengan mengumpulkan sebanyak mungkin buku rujukan yang berkaitan rebab. Pengkaji akan menjalankan

penyelidikan di perpustakaan negeri yang terdekat seperti perpustakaan awam Negeri Kelantan dan perpustakaan Universiti Tujuan pengkaji ke perpustakaan adalah untuk membantu pengkaji memperolehi bahan dan menambahkan pengetahuan serta memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian dengan lebih mendalam.

3.5.2 Internet

Selain kaedah perpustakaan, pengkaji turut menggunakan kaedah internet untuk mendapatkan bahan tambahan untuk membantu penyelidikan. Pelbagai laman web yang telah dilayari untuk mendapatkan sumber maklumat dan pengkaji menggabungkan sumber yang diperolehi untuk memantapkan penjelasan mengenai kajian yang dijalankan.

Gambarajah 3.4 Artikel daripada sumber Internet

3.5.3 Rakaman

3.5.3.1 Peralatan Eletronik

i) kamera digital



Rakaman gambar diambil oleh pengkaji melibatkan proses fotografi. Proses fotografi yang dijalankan oleh pengkaji dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji untuk menjalankan proses pembuatan dan cara menggesek rebab. Selain itu, menggunakan kaedah ini juga, ia memudahkan pengkaji kerana gambar yang dirakam ini tidak mudah rosak atau hilang.

ii) Rakaman Video

Rakaman video merupakan langkah yang turut dijalankan dalam penyelidikan oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat sekiranya pengkaji terlupa akan perkara-perkara yang telah dijelaskan ketika temubual kembali. dan boleh menjadikan sebagai rujukan

3.5.3.2 Catatan bertulis

Catatan bertulis memerlukan pengkaji mencatat setiap maklumat dan perkara yang disampaikan oleh orang yang ditemuramah. Catatan buku ini amat penting kepada pengkaji kerana dapat mencatat maklumat yang disampaikan dan menjadi rujukan kepada pengkaji semasa proses penulisan.

3.6 ANALISIS DATA

Semua data yang dikumpulkan melalui kaedah soal selidik merupakan data yang akan disemak untuk memastikan semua soalan yang diberi telah dijawab mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh pengkaji Data soal selidik yang diperolehi daripada responden diukur dalam bentuk kualitatif dengan melihat peratusan daripada responden yang menjawab borang soal selidik.

3.7 KESIMPULAN

Bab ini menjelaskan tentang reka bentuk kajian kaedah analisis yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan. Bab ini meliputi kaedah pengumpulan data, kaedah mendapatkan data dan cara menganalisis data. Selain itu pengkaji menerangkan tentang kaedah metodologi yang digunakan dalam penyelidikan yang bertujuan menjelaskan cara pengkaji mendapatkan data untuk kajian ini.

Selain itu membincangkan tentang perkara-perkara yang menghubungkan metodologi kajian antaranya reka bentuk kajian, kaedah kajian, soal selidik dan sebagainya. Menggunakan data primer dan data sekunder untuk mendapatkan maklumat dan bahan yang tepat untuk meneruskan kajian.

UNIVERSITI

MALAYSIA

BAB IV

KELANTAN

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini menumpukan dan menjelaskan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah-kaedah penyelidikan yang telah digunakan untuk memperolehi data tentang alat muzik Kelantan iaitu Rebab. Maklumat dan data yang diperolehi hasil daripada 100 responden. Data juga dikumpul melalui sumber pembacaan daripada jurnal temu bual dan buku. Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian dan mendapatkan data melalui laman sesawang. Selain itu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk menjawab objektif kajian.

Data dianalisis melalui graf dan jadual berserta huraian secara terperinci untuk memberi pemahaman yang mendalam mengenai alat muzik rebab terutamanya pada bahagian kepala rebab.

4.1.0 Kaedah Kualitatif

Kaedah merupakan cara atau jalan menyelesaikan permasalahan penyelidikan. Menurut Mahdzan 1995, 'Kaedah penyelidikan merupakan segala langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan'. Kaedah kualitatif adalah suatu proses kaedah penyelidikan yang dibuat berdasarkan akan model secara kualitatif, berpandukan strategidan mempunyai lonjakan paradigm bagi memantapkan kajian yang diselidik. Pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007), tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara fundamental bergantung kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya (Kirk & Miller, 1986).

Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes, adalah suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005). Kajian kes dilaksanakan untuk menghimpun data, memperoleh makna, dan memperoleh pemahaman daripada suatu kes. Proses pengumpulan data berdasarkan Cresswell (1998) iaitu mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan bertujuan, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data.

Kaedah kualitatif pula menggunakan kaedah interpretif, penghuraian, kajian lapangan, kajian sejarah, kajian kes, data verbal dan triangulasi data. Kaedah kualitatif juga mengamalkan konsep makna, esei, pemahaman, pembentukan fenomena, konteks dan triangulasi. Kaedah kualitatif pula cenderung kearah bidang antropologi, kemasyarakatan, linguistic, sosiologi dan sejarah. Ia juga membina tujuan untuk melengkapkan teori, meningkatkan kefahaman, menghuraikan kenyataan, menyatakan kejadian semulajadi dan menerangkan kejadian secara verbal. Kaedah kualitatif biasanya menggunakan kaedah seperti pemerhatian, temubual tidak berstruktur, rujukan maklumat dokumentasi dan kajian kes.

4.1.1 Sejarah dan perkembangan alat muzik rebab

Sejarah alat muzik rebab dikenal sejak ditulis dalam kitab *Al Musiqi Al Kabir* yang ditulis Al Farabi . Al Farabi menyebut orang Arab menyebut alat muzik gesek ini dengan rebab. Rebab mulai terkenal di Cordoba yang merupakan pusat kekhalifahan Islam, ke Eropa Barat pada abad VIII M. Di Eropah rebab berkembang menjadi cello dan biola. Alat muzik gesek ini pun semakin dikenal dan masuk ke Nusantara karena dibawa pedagang Turki dan Asia Tengah. Kemudian rebab merambah ke Tiongkok, India, dan Persia.

Di Afghanistan rebab dikenal sebagai rubab, dan dalam bahasa Persia disebut dengan rabab yang berarti kumpulan alat muzik gesek. Dari Timur Tengah, alat muzik ini masuk ke India dan dikenal sebagai sarod. Kala itu, pemain sarod terkenal bernama Tansen (1520-1590).

Namun, ada perbezaan antara sarod dan rebab. Sarod dimainkan dengan cara dipetik sedangkan rebab dimainkan dengan cara digesek. Kembali ke Nusantara, dalam kesenian Betawi, alat muzik rebab sering ditemukan sebagai instrumen pengiring pertunjukan wayang kulit dan topeng Betawi. Lalu di kesenian Jawa, rebab merupakan bagian dari gamelan yang menjadi penghias gending dan menjadi penuntun arah lagu sinden. Dalam budaya Melayu Riau, rebab memiliki kedudukan tinggi. Hal ini terlihat dalam tarian Menghadap Rebab pada teater tradisional Makyong, karena para pemain yang menari duduk menghadap pemain rebab.

Kesimpulannya, ramai masyarakat yang masih mengenali dan mengetahui tentang sejarah dan perkembangan alat muzik rebab Kelantan walaupun terdapat sebahagian masyarakat yang tidak mengetahui lebih mendalam mengenai alat muzik rebab Melalui maklumbalas dan data yang diperolehi daripada responden . penyelidik mendapat jawapan daripada persoalan kajian yang dikaji Penyelidik mencapai objektif yang pertama dalam kajian yang dijalankan.

4.1.2 Bagaimanakah cara pembuatan dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan Alat Muzik Rebab Kelantan

4.1.3 Pembuatan Rebab

Rebab di Kelantan dihasilkan sendiri oleh tukang penggesek dengan menggunakan bahan-bahan semulajadi yang ada disekeliling mereka Rebab dihasilkan oleh penggesek sendiri untuk memastikan rebab yang dihasilkan mempunyai kualiti bunyi yang baik berbanding membeli rebab daripada tukang pembuatan alat muzik

4.1.3.1 Bahan Yang digunakan

Bahan yang digunakan untuk menghasilkan alat muzik rebab ialah menggunakan kayu yang berkualiti tinggi Kayu yang digunakan untuk membuat rebab terdiri daripada kayu nangka, kemuning dan kayu belimbing Ketiga - tiga jenis kayu ini menghasilkan bunyi yang sangat merdu Menurut Pak Sin kayu perlu untuk mendapatkan suara yang merdu kayu yang kering dan tidak boleh menggunakan kayu yang baru ditebang Kayu yang ditebang perlu dijemur dan dibiarkan menjadi kering selama seminggu untuk memastikan kayu tersebut benar benar kering sebelum proses memotong kayu Selain itu, kayu yang diambil perlu mengikut saiz yang besar dua kali ganda dari saiz rebab

MALAYSIA

KELANTAN

untuk memastikan pemotongan kayu tidak akan terlebih dan terkurang dan mesti mengikut saiz yang sebenar Pak Sin mendapatkan bekalan kayu daripada pembekal tetap dan biasanya kayu yang dibeli berharga diantara rm 300 hingga rm500 Rebab yang dihasilkan oleh Pak Sin menggunakan kayu belimbing kerana kayu belimbing menghasilkan yang merdu dan tidak mudah rosak komponen alat muzik rebab. suara Komponen - yang menggunakan kayu bermula dari kepala rebab hingga ke kaki Selain itu, kepala rebab dan penggesek yang dihasilkan daripada kayu akan diukir mengikut motif yang dipilih oleh tukang Kebiasaanya kelapa rebab akan diukir menggunakan motif pucuk rebung Kepala rebab juga biasanya diwarnakan dengan menggunakan wama merah dan hijau bergantung kepada tukang

Selain menggunakan kayu, rebab juga menggunakan kulit haiwan seperti kerbau dan lembu untuk dijadikan sebagai muka untuk menghasilkan suara Perbezaan diantara kulit lembu dan kerbau dapat dibezakan melalui suara yang dihasilkan apabila digesek. Kulit lembu akan menghasilkan suara yang lebih halus dan lebih merdu berbanding kulit kerbau yang menghasilkan suara yang sedikit nyaring Pak Sin mendapatkan bekalan kulit lembu dan kerbau daripada peniaga daging di sekitar pasir mas Selain itu, kulit kerbau dan lembu juga diperolehi daripada majlis kenduri kahwin Kulit lembu dan kerbau yang diperolehi akan dibersihkan sebelum dijernur Proses penjemuran kulit lembu ini memakan masa yang lama bergantung pada cuaca Menurut Pak Sin, kulit lembu perlu dijemurkan dan perlu membuat bingkai seperti bingkai gambar untuk memastikan kulit lembu itu tegang dan tidak berkedut.

Proses menegangkan kulit lembu memerlukan tenaga kerja 4 hingga 5 orang untuk memastikan kulit lembu tersebut betul- betul tegang Kulit lembu akan dijemur dibawah panas matahari selama 3 hingga 6 hari bergantung kepada cuaca dan ketebalan kulit lembu tersebut. Jika stok kulit lembu dan kerbau yang diperolehi banyak, kulit kulit tersebut akan disimpan di dalam peti ais dan dibalut dengan kemas untuk memastikan kulit lembu itu tidak rosak Selepas proses penjemuran kulit lembu akan dibersihkan untuk kali kedua untuk memastikan kulit lembu tersebut bersih dan akan dipototng mengikut saiz muka rebab

Tali rebab diperbuat daripada dawai logam manakala tali penggesek diperbuat daripada selapuk Kelapa (seludang Kelapa) dan tali tangsi yang halus Tali penggesek akan ditegangkan untuk mendapatkan hasil bunyi yang merdu

Secara kesimpulannya, hasil daripada melalui soal temubual data yang diperolehi daripada pengkaji juga mendapat Papan daripada kaedah temubual bersama tukang membuat rebab Pengka mendapat jawapan cara pembuatan rebab dan bahan yang digunakan untuk menghasilkan alat muzik rebab daripada tukang membuat rebab Melalui jawapan yang diperolehi, pengkaji berpendapat bahawa kebanyakan responden tidak mengetahui cara pembuatan dan teknik untuk menghasilkan alat muzik rebab Kelantan Pada bahagian, pengkaji mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kedua yang ingin dikaji.

4.4.3 Mengapakah Alat muzik Rebab perlu dikekalkan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan ?

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan (JKKN) perlu mengambil insentif dan usaha untuk mengekalkan rebab sebagai alat muzik rasmi Penyelidik berpandangan bahawa Kesenian Negeri Kelantan (JKKN) bagi negeri Kelantan pihak Jabatan Kebudayaan dan perlu mengambil usaha dan mengambil insentif yang terbaik untuk memastikan dan mengekalkan rebab dijadikan sebagai alat muzik rasmi di Negeri Kelantan terutamanya dalam majlis-majlis rasmi di negeri ini Hal ini boleh memperkenalkan rebab kepada masyarakat luar dan boleh dijadikan sebagai identiti negeri Kelantan

Kesimpulannya, data-data yang diperolehi menunjukkan bahawa alat muzik rebab masyarakat Melayu oleh pengkaji perlu dikekalkan dalam untuk memastikan generasi akan datang dapat mengenali dan mengetahui alat muzik ini Selain itu pengkaji mencapai objektif kajian yang dijalankan serta mencapai objektif kajian.

4.4.4 Cadangan dan Pendapat

4.4.4.1 Apakah langkah dan cadangan yang perlu diambil untuk mengelakkan kepupusan alat muzik rebab ?

Secara keseluruhannya, antara langkah dan cadangan yang telah diberikan oleh responden sebagai usaha mengelakkan daripada berlaku kepupusan ialah responden menyarankan supaya perlunya mendokumentasikan dan dijadikan sebagai satu medium yang boleh didedahkan kepada semua peringkat terutamanya di sekolah Pendedahan dengan dokumentasi ini dapat menyedarkan dan memperkenalkan alat muzik rebab di peringkat awal Selain itu dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan alat muzik rebab yang semakin dilupakan dan pupus dlam kalangan masyarakat terutamanya golongan belia. Selain itu, pendedahan alat muzik ini perlu didedahkan di peringkat sekolah rendah lagi Pihak Jabatan Pendidikan perlu menjadikan alat muzik tradisional terutamanya rebab dijadikan sebagai subjek dalam pembelajaran disekolah Secara tidak langsung pelajar akan terdedah dan dapat bergiat dalam bidang muzik tradisional Melayu

Selain itu 4 kerajaan perlu mewujudkan bengkel pembuatan alat muzik rebab untuk mengetengahkan tentang cara pembuatan alat muzik ini Hal ini kerana kekurangan bengkel untuk membuat alat muzik rebab menyebabkan kepupusan alat muzik ini Disamping itu kerajaan juga perlu melatih golongan. belia menjadi tukang untuk membuat alat muzik ini Selain dapat mempelajari dan mewarisi tentang cara pembuatan rebab golongan belia boleh menjana pendapatan dengan menghasilkan rebab Seterusnya, mengadakan persembahan di tempat tempat umum untuk mendedahkan kepada masyarakat Sebagai contoh kerana persembahan menggesek rebab perlu diadakan di hotel hotel merupakan tumpuan pengunjung daripada luar negara dan dari dalam negara sendiri. Secara tidak langsung persembahan ini menarik minat masyarakat luar dan dalam negara untuk mengenali dan mempelajari alat muzik rebab.

4.2 Pemerhatian

Pengkaji telah membuat pemerhatian ikut serta dan tidak turut serta Pengkaji telah membuat kedua- dua pemerhatian untuk mendapatkan maklumat dan data dengan lebih jelas Pengkaji akan menjalankan pemerhatian dengan memerhati cara yang digunakan oleh para pembuat rebab dalam menghasilkan rebab Pengkaji akan memerhatikan proses pembuatan rebab dari proses awal hingga ke proses akhir termasuk cara menggesek rebab bertujuan supaya dapat membantu melakukan sebarang kesilapan dalam penulisan pengkaji dan

4.2.2 Pemerhatian Ikut Serta (Peserta)

Dalam pemerhatian ikut serta, pengkaji menjadi salah seorang peserta untuk mendapatkan maklumat dan merasai sendiri cara untuk menghasilkan rebab dan cara bermain rebab Pengkaji telah melibatkan diri menjadi peserta di dua bahagian iaitu di bengkel pembuatan rebab dan latihan menggesek rebab bersama tokoh.

Gambarajah 4.8 Peserta menjalankan pemerhatian Ikut serta

4.2.3 Pemerhatian Tidak Serta (Bukan Peserta)

Pemerhatian bukan peserta atau tidak serta telah dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji telah diberi peluang oleh tokoh rebab dan dibawa ke persembahan menggesek. Selain itu, pengkaji turut menyaksikan latihan Makyong bersama gesekan rebab di Pusat Kebudayaan UMK, Pengkala Chepa.

Gambarajah 4.9 Tokoh rebab membuat persembahan

46 Temubual

Temubual telah dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji telah menggunakan menggunakan temubual berstruktur dan semi struktur. Tokoh pertama ialah Encik Hussin Yusof merupakan seorang tenaga pengajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Beliau merupakan tokoh sangat mahir dalam menggesek rebab dan beliau juga mahir menghasilkan rebab. Pengkaji banyak memperolehi maklumat mengenai rebab. Tokoh yang kedua merupakan tukang membuat alat muzik iaitu Encik Hamzah Yusof. Kedua-dua tokoh ini pengkaji telah memperolehi banyak maklumat daripada kedua-dua tokoh ini.

Hasil daripada temubual kedua-dua tokoh pengkaji amat berpuas hati kerana kedua-dua telah menjawab persoalan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Selain itu, temubual yang digunakan sangat membantu untuk pengkaji meneruskan kajian. Pengkaji menumpukan kepada tiga persoalan kajian yang dikajukan oleh pengkaji.

4.7 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pengkaji dapat mengumpul data melalui kaedah kaedah penyelidikan mengenai alat muzik rebab Melalui kaedah-kaedah yang digunakan, pengkaji dapat mencapai objektif kajian melalui kajian yang dijalankan Ketiga- tiga objektif dapat dicapai oleh pengkaji yang menumpukan kepada alat muzik rebab Kelantan meliputi sejarah perkembangan, cara pembuatan dan teknik untuk menghasilkan rebab serta langkah untuk mengekalkan warisan ini dikekalkan untuk generasi akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB V

CADANGAN, KEUSAHAWANAN DAN KESIMPULAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan menerangkan keseluruhan mengenai kajian yang dijalankan. Bab ini juga akan membincangkan cara untuk mempromosikan dan memperkenalkan alat muzik Rebab Kelantan yang semakin pupus supaya dikenali oleh masyarakat luar dan dalam negara. Rebab Kelantan disasarkan kepada pelancong luar negara dan golongan belia supaya warisan tidak ketara ini terpelihara dan dijaga untuk memartabatkan warisan negara.

5.2 Cadangan

Berdasarkan dari hasil kajian yang telah diperolehi, pengkaji telah mengenalpasti beberapa cadangan yang boleh diutarakan untuk memastikan alat muzik Rebab Kelantan ini terpelihara dan dikekalkan sebagai warisan.

5.2.1 Individu / Pengkaji

Antara cadangan yang boleh diketengahkan oleh pengkaji ialah menyarankan supaya mendokumentasikan alat muzik rebab ini supaya generasi akan datang dapat mengenali

alat muzik ini. Selain tu pengkaji turut mencadangkan pendedahan alat muzik rebab di peringkat institusi pendidikan terutamanya di peringkat sekolah. Dengan adanya pendedahan dari peringkat awal alat muzik ini dikenali oleh generasi muda. Selain dengan pendedahan awal di peringkat sekolah bidang alat muzik ini perlu dijadikan sebagai subjek di sekolah. Dengan adanya subjek pembelajaran di sekolah alat muzik ini boleh mengasah bakat generasi muda dari peringkat sekolah lagi.

Selain itu, pengkaji mencadangkan agar bahan rujukan perlu diperbanyakkan. Bahan rujukan seperti buku dan artikel perlu diperbanyakkan agar memudahkan pelajar dan penyelidik membuat rujukan. Hal ini kerana bahan rujukan mengenai alat muzik rebab ini sangat sukar diperolehi. Justeru, bahan rujukan haruslah diperbanyakkan agar para pelajar dan penyelidik boleh mendapatkan bahan dengan mudah.

Cadangan seterusnya, pengkaji mencadangkan agar pihak kerajaan mengiktiraf rebab sebagai alat muzik warisan bagi negeri Kelantan dan juga Negara. Rebab perlu diiktiraf setanding dengan persembahan Makyong untuk memastikan rebab menjadi harta warisan negeri Kelantan supaya identiti rebab tidak dicuri oleh negara lain.

5.2.2 Masyarakat

Masyarakat merupakan elemen yang penting dalam usaha mengekalkan warisan supaya dapat dipelihara dan dikekalkan kepada generasi seterusnya. Masyarakat perlu

mengambil peluang untuk berganding bahu bersama kerajaan untuk memartabatkan warisan muzik tradisional Kelantan khususnya rebab. Antara cadangan yang boleh diutarakan ialah masyarakat perlu menyokong usaha kerajaan dan membantu kerajaan untuk memastikan alat muzik rebab ini dipelihara dan diperkenalkan. Selain itu, masyarakat juga perlu mengambil peluang yang disediakan oleh kerajaan untuk memperkenalkan alat muzik rebab ini.

5.2.3 Kerajaan

Pihak kerajaan terutamanya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan (JKKN) dan pihak Pelancongan Negeri Kelantan perlu memainkan peranan yang besar untuk memperkenalkan alat muzik tradisional Kelantan kepada masyarakat umum terutamanya golongan belia dan pelancong. Antara usaha dan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengetengahkan alat muzik ini ialah pihak yang terlibat perlu mengadakan persembahan di majlis-majlis rasmi kerajaan dan juga di hotel. Persembahan menggesek rebab wajar diadakan di majlis rasmi dan hotel terutamanya di negeri Kelantan supaya masyarakat luar mengenali dan boleh menjadikan alat muzik ini sebagai identiti masyarakat Kelantan. Selain itu, pihak kerajaan juga perlu menyediakan bengkel kepada golongan belia. Bengkel rebab perlu disediakan untuk mengasah bakat dalam bidang alat muzik tradisional Kelantan terutamanya rebab. Dengan adanya bengkel, golongan belia boleh dilatih dan diasah bakat mereka dari segi pembuatan dan bakat bermain rebab.

Selain itu, pihak pelancongan perlu mengadakan program alat muzik Kelantan yang perlu diperkenalkan kepada masyarakat luar khususnya kepada para pelancong. Selain dapat memperkenalkan alat muzik ini kepada masyarakat luar, program ini dapat menjana pendapatan ekonomi.

5.3 Keusahawanan

Perkataan usahawan mula diperkenalkan pada tahun semasa pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Perkataan mempunyai maksud yang sama dengan perkataan 1970 usahawan Inggeris 'Entrepreneur'. Entrepreneur berasal daripada Perancis "entrepreneur" yang bermaksud "to undertake". Usahawan merujuk kepada seseorang yang mencipta suatu perniagaan baru dan menghadapi suatu keadaan yang tidak pasti demi untuk memperolehi keuntungan dan perkembangan. Richard Cantillon (1986) mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang membekalkan model. Peter Drucker (1964) berpendapat bahawa usahawan adalah individu yang memaksimumkan peluang.

Keusahawanan merupakan salah satu strategi dalam sesebuah perniagaan yang berperanan. Selain itu, keusahawanan juga membangunkan menyediakan peluang-peluang boleh didefinisikan sebagai cara usahawan menggunakan peluang untuk memulakan perniagaan dan mengembangkan perniagaan yang dijalankan. Menurut Yep Putih (1989) keusahawanan dikatakan sebagai satu kecenderungan untuk memulakan perniagaan kebolehan dan kemampuan.

5.4 PRODUK

Rebab Kelantan merupakan sesuatu produk yang sesuai dijadikan sebagai salah satu produk yang boleh dipromosikan untuk memperkenalkan rebab kepada masyarakat

umum. Dengan penghasilan produk daripada rebab ini, bukan sahaja dapat menjana pendapatan negara malah dapat meningkatkan pendapatan individu. Selain itu, produk yang dihasilkan juga boleh dijadikan rujukan.

5.4.1 Cenderamata

Cenderamata merujuk kepada sesuatu yang diberikan kepada orang lain sebagai tanda ingatan atau sebagai hadiah. Cenderamata merupakan satu medium yang sesuai boleh diketengahkan untuk dipromosi dan boleh diperkenalkan pada masyarakat umum terutamanya pelancong dari luar.

5.4.2 Buku

Buku dihasilkan bagi tujuan rujukan terutamanya kepada institusi pendidikan. Buku dijadikan sebagai bahan rujukan terutamanya di peringkat sekolah dan university. Pengkaji mengambil peluang untuk menghasilkan buku kerana buku rujukan rebab masih kurang dalam pasaran. Buku yang dihasilkan menerangkan tentang rebab secara keseluruhannya.

5.5 Sasaran produk

Sasaran produk sangat penting untuk memastikan produk yang dihasilkan mendapat sambutan dan bercadang untuk menghasilkan dalam pasaran. Pengkaji dua jenis produk iaitu cenderamata dan buku tentang alat muzik Rebab.

5.5.1 Cenderamata

Cenderamata yang dihasilkan oleh pengkaji disasarkan kepada pihak menjadikan swasta dan pihak kerajaan cenderamata rebab ini supaya dijadikan sebagai hadiah. Cenderamata ini untuk diberikan kepada tetamu terutamanya dalam majlis rasmi. Selain itu, pihak pelancongan juga disasarkan untuk memasarkan produk ini untuk pelancong-pelancong yang luar dan dalam Negara. Hal ini kerana cenderamata rebab sukar untuk diperolehi dalam pasaran.

5.5.2 Buku

Buku yang dihasilkan oleh pengkaji disasarkan kepada pelajar sekolah dan pelajar universiti untuk dijadikan sebagai rujukan. Pengkaji menghasilkan buku untuk memudahkan pelajar-pelajar membuat rujukan kerana buku mengenai Rebab sangat sukar didapati dan diperolehi. Dengan terhasilnya buku pelajar mudah membuat rujukan Rebab.

5.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya rebab merupakan alat muzik tradisional bagi masyarakat Kelantan yang sangat terkenal suatu masa dahulu. Namun hari ini, rebab semakin

dilupakan dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda. Melalui kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian terhadap alat muzik rebab supaya rebab dikekalkan dan dijadikan sebagai alat muzik warisan bagi negeri Kelantan.

Perkembangan dari segi sejarah rebab dipercayai mula wujud di kawasan Utara iaitu Kurdistan dan mula berkembang di rantau Timur Tengah yang dicatatkan seawal kurun ke 10. Hal ini dibuktikan bahawa rebab telah berkembang dalam masyarakat Melayu dan masih kekal pada hari ini.

Pengkaji juga telah menjalankan kajian bagi mengumpul maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan borang soal selidik untuk mencapai objektif kajian.

Pengkaji turut mencadangkan dan idea melalui keusahawanan agar rebab ini akan dikekalkan dalam masyarakat agar generasi akan datang dapat mengenali alat muzik ini pada masa akan datang. Melalui keusahawanan pengkaji telah menghasilkan dua produk untuk membantu alat muzik rebab ini dikenali. Pengkaji telah menghasilkan produk untuk dijadikan sebagai cenderamata dan buku. Kedua-dua produk ini boleh membantu generasi muda dan generasi akan datang dapat mengenali dan dapat mengekalkan rebab ini sebagai alat muzik tradisional. Selain itu pengkaji turut mencadangkan agar pihak-pihak tertentu dan masyarakat perlu memainkan peranan untuk mengekalkan rebab sebagai alat muzik warisan.

[3:18 PM, 2/19/2022] Haikal: BIBLIOGRAFI

BUKU

Azhar Abdul Latiff (2009) Seni Muzik Dalam Institusi Raja Melayu Kajian Jenis, Perkembangan dan Peralatan Muzik dalam konteks Tradisi Istana

Yep Putih (1985), "Keusahawanan Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hamidah Husain, & Mohamed Roselan Malek (1995). Alat muzik Tradisional Penerbit Prisma Sdh.Bhd

Hamidah Abdul Hamid (1997) Pengantar Estetik Pustaka Kuala Lumpur

ewan Bahasa dan

Kamus Besar Indonesia (1995)

Kamus Dewan dan Bahasa Edisi Keempat (2004)

Mohd Taib Osman (1989) Masyarakat Melayu: Struktur Organisasi

dan Manifestasi Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur

Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh (1995) Alat muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (JKKN) Kementerian Penerangan dan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia Kuala Lumpur.

Patricia Matusky, & Tan Sooi Beng (1997). Muzik Malaysia Tradisi

Klasik, Rakyat dan Sinkretik. Akademik Seni Kebangsaan Kementerian

Kebudayaan Kesenian dan Pelancungan Malaysia Kuala Lumpur.

Siti Zainon (2000). Peranan dan Penggunaan Alat Muzik Tradisional Dalam Adat Istiadat Melayu Dalam Alat Muzik Tradisional Daya dan Bunyi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Kuala Lumpur

Syamsudin Haron (1993:3) Sin Tan dan Alat Muzik Tradisional Malaysia Alat kordofon dan Membranfon Samudera Didik

[3:20 PM, 2/19/2022] Haikal: Artikel

Alat Muzik Tradisional (21 Februar 2013) Bahagian Pemuliharaan Kategon Informasi Kraf Malaysia

Barbara Hort (2013) The Fiddler Meeting the Fiddler On the Roof and in Our Lives
Beardsley, Monroe C (1966) Aesthetics from Classical Greece to the

Present The Macmillan Co. New York

Collins, James T (1946) Corak Pucuk Rebung University of

Manoa

Davis Marian L (1990) Visual Design in Dress. Englewood Cliffs Prentice Hall New Jersey
Mohamed Ghouse Nasruddin Ghouse Seni Persembahan Tradisi

Menjelang Awal Abad ke 21, 1994 6-9 Othman Mohd. Yatim (1989) Warisan Kesenian
Dalam Tamadun Islam

Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur Rahimidin Zahari. (2004). Makyung The
Mystical Heritage of Malaysia

Sidi Gazlba (1977) Pandangan Islam Tentang Kesenian Dewan Bahasa

dan Pustaka Kuala Lumpur

Jurnal

Curtis Sach, (1940). The History of Music Instrument WW Norton; New York

Galata Mamlavi House Rumi Mawlavi Music & Sema Ensemble Education Culture
&Beneficiary Association.

MM Shariff.(1966). In Seach of Truth Philosophical Essays Lohera Institute of Islam
Culture.

Mohamed Ghouse Nasruddin (2003) Muzik Tradisional Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN